

UMNO TAK PERNAH TERIMA SUMBANGAN DARI GEORGE TAN — DR. M

KUALA LUMPUR 11 Mac — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahat-hir menegaskan bahawa UMNO Malaysia tidak pernah menerima sebarang sumbangan dalam apa jua bentuk daripada George Tan, Pengerusi Syarikat - Syarikat Kumpulan Carrian.

UMNO Malaysia juga, katanya, tidak pernah menerima sebarang sumbangan dari mana-mana pegawai Bumiputra Malaysia Finance (BMF) atau syarikat-syarikat yang berkaitan dengan mereka.

Berikut ialah kandungan penuh surat Perdana Men-

teri bertarikh 25 Februari 1986 kepada Bank Bumiputra berhubung dengan siasatan skandal BMF:

Merujuk kepada surat Y.B Tan Sri bertarikh 8hb. Februari, 1986 berhubung dengan nama saya yang disebut di dalam laporan tersebut, saya ingin menyatakan bahawa adalah menjadi kebiasaan bagi pegawai - pegawai kerajaan dan para eksekutif syarikat - syarikat kerajaan menemui saya. Secara rasmi atau tidak rasmi, mereka memberi taklimat kepada saya mengenai kerja-kerja dan pelbagai projek di bawah

jagaan mereka. Biasanya taklimat - taklimat itu adalah secara umum sahaja. Ada kalanya saya memberi beberapa arahan kepada mereka tetapi saya tidak terlibat dalam pelaksanaan sebenarnya sesuatu arahan itu.

Mengenai kes BMF ini saya mula-mulanya mengetahui hal ini apabila ianya dilaporkan di dalam akhbar. Selepas itu saya telah diberi taklimat secara kasar mengenai perkara ini oleh Pengerusi Bank Bumiputra dan Bank Negara. Dalam salah satu daripada taklimat itu, Pengerusi

Bank Bumiputra memberitahu saya tentang tindakan - tindakan bank tersebut untuk mendapat semula wang sebanyak yang mungkin daripada George Tan sendiri dan syarikat - syarikat yang berkaitan dengan beliau dan daripada mereka yang bertanggungjawab meluluskan pinjaman - pinjaman tersebut. Saya bersetuju dengan tindakan itu. Walau bagaimanapun, saya tidak diberitahu mengenai butir-butir dan tidak terlibat dalam apa cara sekali pun dalam pelaksanaan tindakan itu. Ini adalah perkara dan tanggungja-

wab para eksekutif bank tersebut. Apa yang dapat saya katakan ialah saya percaya pihak pengurusan bank itu telah bertindak demi kepentingan bank tersebut dalam usah-usaha mereka mendapatkan kembali semua wang yang mungkin diperolehi oleh mereka dengan mengambilkira keadaan - keadaan yang terdapat dalam kes ini.

Saya ingin menegaskan

bahawa saya tidak mempunyai sebarang urusan dengan George Tan sama ada sebagai Perdana Menteri, Pegawai UMNO atau atas sifat peribadi. Sepanjang yang saya tahu, UMNO Malaysia tidak pernah menerima sebarang sumbangan dalam apa bentuk sekalipun sama ada daripada George Tan, pegawai - pegawai BML atau syarikat - syarikat yang berkaitan dengan mereka atau sesiapa daripada mereka.